



**MUHAMAD** Muda (tengah) bersama penuntut Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan di Universiti Sains Islam Malaysia, Seremban, baru-baru ini.

## LIQA' lahir graduan berkualiti untuk pembangunan negara

SEREMBAN 15 Mei - Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dipertanggungjawab bagi mengendalikan program Modul Pembangunan Insaniah Pelajar Muslim (LIQA') yang kini memasuki edisi kedua penganjurannya.

Pelaksanaan program tersebut bertujuan bagi membolehkan penuntut khususnya di tahun satu pengajian dibantu serta mendapat bimbingan daripada kumpulan siswa senior da-

lam pelbagai skop pendidikan.

Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. Muhamad Muda berkata, program tersebut selari dengan penetapan Bidang Keberhasilan Utama (KRA) pertama universiti iaitu membantu melahirkan graduan yang dapat memberi sumbangan serta menabur bakti secara positif ke arah pembangunan, kemajuan dan kesejahteraan negara.

"Saya ingin melahirkan kesyukuran dan terima kasih terutama-

nya kepada penuntut senior di universiti ini yang sanggup meluangkan masa dan tenaga untuk membimbing serta berkongsi ilmu dalam pelbagai disiplin untuk adik-adik mereka yang masih berada di tahun pertama," katanya ketika merasmikan program tersebut, di sini baru-baru ini.

Sementara itu, Dekan FKP, Prof. Dr. Zulkiple Abd. Ghani berkata, diharapkan semua pelajar terlibat dalam program itu bersifat optimis

serta memberi kerjasama ke arah mencapai objektif pelaksanaannya.

"Tujuan utama program ini adalah untuk membantu mereka mengamalkan ilmu yang dipelajari dan menerapkan input kerohanian yang positif di dalam diri, selain mempraktikkan penggunaan bahasa Inggeris dan bahasa Arab dalam kalangan penuntut," katanya.

Modul LIQA' itu mewajibkan penyertaan seluruh pelajar tahun satu USIM.